BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM

Jilid. 39 No. 2

S2

Suku Kedua 2024

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh BNM berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh BNM dalam memenuhi mandatnya.

Kandungan

03 Sorotan Penting

04 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

05 Perkembangan Ekonomi Malaysia

10 Perkembangan Monetari dan Kewangan

13 Rencana:
Ukuran Hijau: Menjejak Kemajuan Syarikat Ke Arah Kelestarian Alam Sekitar

21 Pertimbangan Dasar

23 Tinjauan Makroekonomi

25 Tambahan

Sorotan Penting bagi S2 2024

Pertumbuhan KDNK lebih kukuh pada 5.9% (S1 2024: 4.2%)

Apakah faktor yang menyokong pertumbuhan?

Perbelanjaan isi rumah lebih tinggi
Penggunaan Swasta 6%(S1 2024: 4.7%)

Eksport bertambah baik
Eksport Barangan dan Perkhidmatan: 8.4% (S1 2024: 5.2%)

Pengembangan aktiviti pelaburan lebih kukuh
Pelaburan Swasta: 12% (S1 2024: 9.2%)

Inflasi keseluruhan meningkat sedikit kepada 1.9% (S1 2024: 1.7%)

Apakah faktor utama yang mempengaruhi inflasi?

Inflasi utiliti lebih tinggi berikutan pelarasan tarif air serta cukai perkhidmatan untuk penggunaan elektrik yang tinggi
Perumahan dan utiliti: 3.1%
(S1 2024: 2.6%)

Inflasi perkhidmatan maklumat dan komunikasi meningkat berikutan fi perkhidmatan penstriman yang lebih tinggi
Maklumat dan komunikasi: -0.6%
(S1 2024: -2.4%)

Keadaan pasaran pekerja positif

Kadar Pengangguran
3.3%
(S1 2024: 3.3%)

Upah Nominal
2.7%
(S1 2024: 2.6%)

Ringgit menambah nilai berbanding Dolar AS

MYR/USD
0.2%
(S1 2024: -2.9%)

Indeks Dolar AS
1.3%
(S1 2024: 3.1%)

Rencana: **Ukuran Hijau: Menjejak Kemajuan Syarikat ke Arah Kelestarian Alam Sekitar**

Kebanyakan syarikat besar yang ditinjau telah memulakan peralihan kelestarian alam sekitar mereka untuk mengurangkan jejak karbon. Walau bagaimanapun, sebahagian besar syarikat masih berada pada tahap awal penerapan amalan hijau

Prestasi Ekonomi Global

Pertumbuhan global sederhana pada S2 2024

KDNK ekonomi terpilih,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Pihak berkuasa negara

Pertumbuhan perdagangan terus bertambah baik di kebanyakan negara serantau

Eksport ekonomi terpilih,
Perubahan tahunan, % (dalam dolar AS)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Sorotan

- **Pertumbuhan global sederhana,** dipengaruhi oleh kadar faedah yang tinggi. Namun begitu, pertumbuhan kekal disokong oleh pasaran pekerja yang berdaya tahan.

- **Perdagangan global terus bertambah baik,** didorong oleh kekukuhan menyeluruh bagi barangan elektrik dan elektronik (*electrical and electronics,* E&E) serta barangan bukan E&E. Hal ini lebih daripada mengimbangi rintangan berikutan peralihan perbelanjaan daripada barangan kepada perkhidmatan serta sekatan perdagangan yang semakin meningkat.

- **Inflasi terus menurun dalam ekonomi-ekonomi maju.** Sebaliknya, inflasi kekal bawah purata jangka panjang dalam ekonomi-ekonomi sedang pesat membangun.

- **Trend harga minyak mentah Brent meningkat** kepada USD85 setong pada S2 2024 (S1 2024: USD82 setong) berikutan lanjutan pengurangan pengeluaran sukarela oleh negara-negara OPEC+.

Keluaran Dalam Negeri Kasar

Pertumbuhan KDNK yang lebih kukuh sebanyak 5.9% pada S2 2024

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi meningkat sebanyak 2.9%

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan suku tahunan, % (terlaras secara bermusim)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan pada S2 2024?

- Penggunaan swasta yang lebih kukuh berikutan keadaan pasaran pekerja yang positif dan sokongan dasar yang lebih meluas
- Eksport barangan yang terus pulih dan ketibaan pelancong yang lebih tinggi
- Perbelanjaan modal yang teguh dalam struktur serta jentera dan peralatan

Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pada S2 2024?

- Gangguan dalam pengeluaran minyak dan gas yang menjejaskan output perlombongan

Prestasi Ekonomi Malaysia

Perbelanjaan sektor swasta yang lebih kukuh berikutan peningkatan eksport bersih

Perubahan tahunan, %

Penggunaan Swasta

6%
(S1 2024: 4.7%)

Perbelanjaan yang lebih tinggi berikutan keadaan pasaran pekerja yang positif serta sokongan dasar yang lebih meluas

Pelaburan Swasta

12%
(S1 2024: 9.2%)

Pengembangan kapasiti yang teguh oleh perniagaan, terutamanya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan

Penggunaan Awam

3.6%
(S1 2024: 7.3%)

Sokongan berterusan daripada perbelanjaan Kerajaan untuk emolumen serta bekalan dan perkhidmatan

Pelaburan Awam

9.1%
(S1 2024: 11.5%)

Perbelanjaan aset tetap oleh Kerajaan dan syarikat awam yang terus berkembang

Eksport Bersih

3.4%
(S1 2024: -24.5 %)

Peningkatan eksport berikutan permintaan luaran yang lebih tinggi dan peningkatan kitaran teknologi global

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan yang lebih tinggi dalam kebanyakan sektor

Perubahan tahunan, %

Perkhidmatan

5.9%
(S1 2024: 4.8%)

Penambahbaikan secara meluas merentas perkhidmatan berkaitan pengguna dan perniagaan

Perkilangan

4.7%
(S1 2024: 1.9%)

Pertumbuhan yang lebih tinggi merentas industri berorientasikan eksport dan domestik

Pertanian

7.2%
(S1 2024: 1.7%)

Pengeluaran yang lebih kukuh dalam subsektor kelapa sawit dan perikanan

Perlombongan

2.7%
(S1 2024: 5.7%)

Pertumbuhan yang lebih rendah dalam subsektor minyak dan gas berikutan gangguan pengeluaran pada bulan Mei

Pembinaan

17.3%
(S1 2024: 11.9%)

Aktiviti pembinaan yang lebih kukuh terutamanya dalam subsektor kejuruteraan awam dan pertukangan khas

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan Pasaran Pekerja

Keadaan pasaran pekerja positif

- Kadar pengangguran kekal rendah pada paras sebelum pandemik sebanyak 3.3% pada suku kedua tahun 2024 (S1 2024: 3.3%).
- Guna tenaga meningkat kepada 16.6 juta orang pada suku kedua tahun 2024 (S1 2024: 16.4 juta orang) berikutan permintaan pekerja yang berterusan.
- Bekalan tenaga kerja kekal menggalakkan berikutan kadar penyertaan tenaga kerja terus meningkat kepada 70.5% pada suku kedua tahun 2024 (S1 2024: 70.2% daripada bilangan penduduk umur bekerja).

Kadar pengangguran rendah

Kadar pengangguran,
% daripada tenaga kerja



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan upah sektor swasta sederhana

Upah nominal dan benar sektor swasta,
Perubahan tahunan, %



Upah nominal mengikut sektor,
Perubahan tahunan, %



Nota: Upah sektor swasta merujuk upah pekerja dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Trend Inflasi

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras meningkat sedikit pada suku kedua

- Inflasi keseluruhan dan inflasi teras meningkat sedikit kepada 1.9%, didorong terutamanya oleh inflasi utiliti perumahan serta inflasi perkhidmatan maklumat dan komunikasi yang lebih tinggi.

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras,
Perubahan tahunan, %



Item Indeks Harga Pengguna (IHP) Terpilih

Elektrik *(Wajaran: 2.7%)*	Bekalan air *(Wajaran: 0.9%)*	Maklumat dan Komunikasi *(Wajaran: 6.6%)*
▲ 2% S1 2024: 0.7%	▲ 31.8% S1 2024: 20.8%	▲ -0.6% S1 2024: -2.4%

Nota: Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir daripada inflasi keseluruhan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi lebih meluas pada suku kedua

- Lebih banyak barangan mencatatkan kenaikan harga pada suku kedua, melebihi purata jangka panjangnya.
- Hal ini sebahagiannya mencerminkan pelarasan harga oleh syarikat semasa musim perayaan, beberapa langkah dasar oleh Kerajaan serta pergerakan harga yang idiosinkratik.

Item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulanan,
Bahagian, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perkembangan Sektor Luaran

Eksport meningkat manakala import kekal kukuh

Eksport Kasar	**5.8%** S1 2024: 2.0%	Pemulihan bagi eksport E&E dan komoditi serta pengukuhan bagi eksport bukan E&E
Import Kasar	**15%** S1 2024: 12.5%	Import perantaraan yang lebih kukuh dan permintaan dalam negeri yang berterusan bagi barangan modal & penggunaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan akaun semasa yang berterusan serta aliran masuk bagi akaun kewangan

Akaun Semasa
RM3 bilion; 0.6% daripada KDNK
(S1 2024: RM16.2 bilion; 3.5%)

Faktor pendorong utama
- Lebihan barangan yang berterusan berikutan peningkatan eksport.
- Defisit perkhidmatan yang lebih kecil, didorong oleh pendapatan perjalanan, pengangkutan dan perkhidmatan perniagaan lain yang lebih tinggi.

Yang mengimbangi
- Defisit pendapatan primer yang lebih luas.

Akaun Kewangan
Aliran masuk bersih RM17.1 bilion
(S1 2024: Aliran keluar bersih RM18.7 bilion)

Faktor pendorong utama
- Aliran masuk bersih dalam pelaburan lain disebabkan oleh pinjaman antara bank dan deposit yang ditempatkan di luar negeri yang telah matang.
- Aliran masuk bersih dalam pelaburan langsung disebabkan oleh aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang lebih tinggi dalam keadaan pelaburan langsung luar negeri (DIA) yang lebih rendah.

Yang mengimbangi
- Aliran keluar bersih dalam pelaburan portfolio, didorong terutamanya oleh pelaburan pemastautin dalam hutang dan sekuriti ekuiti di luar negara.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri yang lebih tinggi

RM1.33 trilion atau 70.8% daripada KDNK
(S1 2024: RM1.27 trilion atau 68.9% daripada KDNK)
- Pinjaman antara bank yang lebih tinggi khususnya untuk tujuan mudah tunai dan pembiayaan kunci kira-kira.
- Liabiliti hutang lain yang lebih besar disebabkan oleh kredit perdagangan yang lebih tinggi terutamanya untuk tujuan import.

Hutang luar negeri kekal terurus
% daripada jumlah hutang luar negeri

Mata wang
Dalam denominasi ringgit: 31.5%
Tidak terjejas oleh turun naik kadar pertukaran ringgit

Dalam denominasi FCY: 68.5%
yang 63% daripadanya tertakluk pada keperluan kehematan dan pengawalseliaan BNM dan 17.3% merupakan pinjaman antara syarikat berkaitan

Tempoh Matang
Jangka sederhana dan panjang: 57.5%
Risiko pelanjutan terhad

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Bersih	**RM81 bilion** (S1 2024: RM157 bilion)
Rizab Antarabangsa[1]	**USD114.7 bilion** (S1 2024: USD113.8 bilion)

- **5.3 bulan[2]** import barangan dan perkhidmatan
- **1.0 kali** hutang luar negeri jangka pendek

[1] Pada 31 Julai 2024.
[2] Paras ini mungkin berbeza daripada paras yang dinyatakan dalam siaran akhbar mengenai rizab antarabangsa yang diterbitkan pada 7 Ogos 2024 kerana mencerminkan data terkini S2 2024 berhubung dengan import barangan dan perkhidmatan serta hutang luar negeri jangka pendek.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pasaran Kewangan dan Kadar Pertukaran

Ringgit menambah nilai pada S2 2024 meskipun dolar AS kukuh

Tekanan pada ringgit telah ditampung, sebahagiannya oleh tindakan terselaras Kerajaan dan BNM bagi menggalakkan aliran masuk ke dalam pasaran pertukaran asing yang lebih konsisten dan tepat pada masanya.

Prestasi Indeks Dolar AS dan Mata Wang Serantau berbanding dolar AS, % sejak awal tahun sehingga kini dan antara suku tahun ke suku tahun



Nilai ringgit bertambah berbanding dengan rakan perdagangan utama

NEER S2 2024: +1.6%
S1 2024: -0.4%

[1] Sejak awal tahun (*year-to-date*, YTD) hingga 13 Ogos 2024. Angka pada rajah palang ialah angka YTD.
Nota: NEER merujuk kepada kadar pertukaran efektif nominal.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Perkembangan pasaran kewangan domestik meraih manfaat daripada prospek ekonomi yang positif

Kadar hasil bon stabil secara relatif

mencerminkan keyakinan para pelabur terhadap komitmen Kerajaan untuk pembaharuan fiskal

Kadar hasil MGS 10 tahun +1 mata asas
(S1 2024: +11 mata asas)

Pasaran ekuiti meningkat

berikutan prospek perolehan yang meningkat susulan pelan induk ekonomi yang terus dibangunkan

KLCI +3.5% suku tahun ke suku tahun
(S1 2024: +5.6%)

Faktor-faktor utama

Jangkaan Federal Funds Rate (FFR) akan kekal tinggi lebih lama dan ketegangan geopolitik yang berterusan terus memacu pengukuhan dolar AS pada suku kedua, lantas mengakibatkan tekanan penurunan nilai terhadap mata wang serantau

Meskipun begitu, keadaan ekonomi yang bertambah baik secara berterusan dan impak positif daripada pelaksanaan pembaharuan struktur dalam negeri terus menyokong pasaran kewangan domestik

Tindakan terselaras yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan dan BNM untuk menggalakkan penghantaran balik dan penukaran pendapatan pelaburan asing yang tepat pada masanya oleh GLC dan GLIC telah membantu mengurangkan tekanan ke atas pasaran pertukaran asing

Sumber: Bank Negara Malaysia, ETP, Bursa Malaysia dan Bloomberg

Kadar Faedah dan Mudah Tunai

Kadar antara bank dan kadar deposit tetap mencatatkan penurunan pada suku kedua

Kadar faedah,
Pada akhir tempoh, %



- **KLIBOR 3 Bulan tidak berubah** pada 3.59%, sementara kadar antara bank merentasi pelbagai tempoh matang kekal stabil pada suku tersebut.
- **Kadar deposit tetap (FD) menurun** antara 4 hingga 10 mata asas bagi tempoh 1 bulan hingga 12 bulan, yang mencerminkan pelarasan strategi pendanaan bank-bank untuk menguruskan kos dana mereka.
- **Kadar pinjaman purata (ALR) bagi pinjaman terkumpul adalah stabil** pada suku tersebut.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Pengantaraan kewangan kekal disokong oleh tahap mudah tunai sistem perbankan

Mudah tunai ringgit terkumpul di BNM,
Pada akhir tempoh, RM bilion



- **Jumlah mudah tunai sistem perbankan pada hujung suku kedua menurun** sedikit berikutan aliran keluar bersih.
- Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan. Pada peringkat institusi, kebanyakan bank terus mengekalkan lebihan penempatan dana semalaman di BNM pada akhir Jun 2024.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan Kredit

Pertumbuhan kredit yang lebih tinggi berikutan peningkatan dalam pertumbuhan pinjaman terkumpul

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[1],
Sumbangan kepada pertumbuhan, mata peratusan



[1] Terdiri daripada bon korporat terkumpul serta pinjaman terkumpul kepada perniagaan dan isi rumah.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan utama

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[2]

5.4%
S1 2024: 5.2%

- Pinjaman terkumpul[3] berkembang sebanyak 6.0% pada akhir suku kedua 2024 (S1 2024: 5.8%), susulan pertumbuhan pinjaman perniagaan yang lebih tinggi.
- Pertumbuhan bon korporat terkumpul juga lebih tinggi pada 3.4% (S1 2024: 3.2%).

Pinjaman Perniagaan

5.6%
S1 2024: 5.1%

- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul meningkat didorong oleh pertumbuhan pinjaman berkaitan pelaburan[4] dan pinjaman modal kerja yang lebih tinggi.
- Mengikut sektor, pertumbuhan yang lebih kukuh dicatatkan oleh sektor pembinaan dan perkilangan.

Pinjaman Isi Rumah

6.2%
S1 2024: 6.2%

- Pertumbuhan pinjaman isi rumah kekal mampan merentas kebanyakan tujuan pinjaman.
- Permintaan terhadap kredit terus menggalakkan berikutan permohonan pinjaman yang lebih tinggi, khususnya untuk pembelian rumah.

[2] Semua angka yang disebut adalah dalam bentuk perubahan tahunan,
[3] Merujuk pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[4] Terdiri daripada pinjaman untuk pembelian harta bukan kediaman, harta kediaman untuk kegunaan perniagaan dan aset tetap, serta pinjaman untuk tujuan pembinaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Ukuran Hijau: Menjejak Kemajuan Syarikat Ke Arah Kelestarian Alam Sekitar

Ringkasan Eksekutif

- Kebanyakan syarikat besar telah memulakan peralihan mereka ke arah kelestarian alam sekitar.
- Kebanyakan syarikat masih pada tahap awal menghijaukan operasi dan hanya memberikan tumpuan pada pelaksanaan amalan kelestarian bagi aktiviti atau fungsi terpilih dalam operasi perniagaan mereka.
- Amalan peralihan didorong terutamanya oleh pematuhan terhadap peraturan dan pengoptimuman kos jangka sederhana dan jangka panjang.
- Halangan utama bagi syarikat besar untuk menerapkan amalan hijau bukanlah kos tetapi anggapan bahawa kurangnya manfaat yang akan diperoleh pada masa hadapan.

Sebanyak 71% daripada syarikat yang menyertai kaji selidik telah memulakan atau sedang merancang inisiatif kelestarian alam sekitar

Rajah 1: Adakah syarikat anda mempunyai rancangan untuk mengurangkan jejak karbon?
Bahagian peratusan daripada jumlah responden



Catatan: Sebahagian besar interaksi melibatkan syarikat besar kerana perniagaan bukan PKS membentuk bahagian yang lebih tinggi kepada KDNK (61%) dan cenderung menerajui usaha kelestarian berbanding PKS.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengenalan

Risiko peralihan bagi syarikat Malaysia telah meningkat berikutan peraturan yang semakin ketat pada peringkat global dan dalam negeri. Pada peringkat antarabangsa, Kesatuan Eropah telah memperkenalkan Carbon Border Adjustment Mechanism (CBAM) yang akan dilaksanakan secara berfasa bermula dengan industri simen, besi dan keluli, aluminium, baja, elektrik serta hidrogen mulai tahun 2026. Di Malaysia, Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-Based Taxonomy, CCPT)[1] telah dilaksanakan sejak bulan April 2021 dan sedang disepadukan secara berperingkat dalam proses dan keputusan berkaitan kredit oleh institusi kewangan, manakala Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga (Energy Efficient and Conservation Act, EECA) 2023 akan dikuatkuasakan tidak lama lagi. Perubahan pengawalselian pada peringkat global dan dalam negeri ini akan memberikan kesan kepada syarikat Malaysia melalui peningkatan kos pematuhan, permintaan terhadap produk lestari yang semakin meningkat dan perubahan ketara dalam rantaian bekalan global.

Dengan mengambil kira perubahan pengawalseliaan, kebanyakan syarikat besar di Malaysia, khususnya syarikat tersenarai, telah memulakan usaha untuk mengurangkan jejak karbon mereka (Rajah 1). Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang untuk mengukur inisiatif ini merentasi pelbagai sektor ekonomi serta motivasi dan cabaran utama yang memacu tindakan syarikat. Kajian yang melibatkan temu bual[2] dengan 97 buah syarikat (81% daripadanya bukan PKS) di seluruh Malaysia pada separuh pertama tahun 2024 ini bertujuan untuk mendapatkan kejelasan dalam bidang penting ini.

[1] Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana bertajuk "Pelaksanaan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip dalam Sektor Kewangan" dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM Separuh Kedua 2021.

[2] Di bawah program Pengawasan Ekonomi Wilayah BNM, libat urus industri diadakan dengan komuniti perniagaan untuk mengukur keadaan dan prospek perniagaan secara masa nyata. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Rencana dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2021 bertajuk "Mengukur Nadi Ekonomi Semasa Pandemik."

Ukuran Hijau: Menjejak Kemajuan Syarikat Ke Arah Kelestarian Alam Sekitar

Hampir dua pertiga (64%) daripada syarikat yang menghijaukan operasi masih berada pada peringkat awal

Rajah 2: Sejauh manakah amalan kelestarian alam sekitar yang syarikat anda laksanakan?
Bahagian peratusan responden



Sumber: Bank Negara Malaysia

[3] Kaji selidik mendapati bahawa 68% dan 51% responden masing-masing memberikan tumpuan pada kecekapan tenaga dan inovasi mesra iklim, manakala kira-kira 20% tidak melaksanakan tindakan iklim yang lebih meluas. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *27th Annual Global CEO Survey - Asia Pacific (2024)* oleh PwC.

Kebanyakan syarikat memberikan tumpuan pada aktiviti atau fungsi tertentu dan bukannya menerapkan pendekatan secara menyeluruh

Hampir dua pertiga daripada syarikat (64%) yang memulakan peralihan mereka ke arah kelestarian alam sekitar berada pada tahap awal, sama ada bermula secara kecil-kecilan atau hanya memberikan tumpuan pada peralihan fungsi utama operasi mereka (Rajah 2). Menurut kaji selidik yang dijalankan oleh PwC terhadap Ketua Pegawai Eksekutif di Asia Pasifik[3], keadaan ini agak serupa dengan pengalaman negara lain di Asia Pasifik. Syarikat yang bermula secara **kecil-kecilan** kebanyakannya memaklumkan usaha untuk mematuhi peraturan Kerajaan, seperti memasang loji rawatan air yang dimandatkan oleh Jabatan Alam Sekitar atau mematuhi keperluan pelaporan kelestarian Bursa Malaysia bagi entiti tersenarai. Selain itu, beberapa syarikat hanya terlibat dalam aktiviti ad hoc seperti kitar semula atau penanaman semula pokok. Syarikat-syarikat ini lazimnya beranggapan bahawa peluang peralihan dalam industri mereka adalah terhad (contohnya, pertanian dan pembinaan) atau berasa kurang terdesak untuk beralih disebabkan oleh permintaan yang rendah daripada pelanggan, terutamanya di rantau Asia Tenggara.

Apabila syarikat semakin maju dalam amalan kelestarian alam sekitar, mereka lazimnya memberikan tumpuan pada penggabungan sumber tenaga bersih berskala kecil, penjimatan tenaga atau pengurangan sisa dalam sekurang-kurangnya satu **fungsi** utama syarikat. Perkara ini termasuk pemasangan panel solar pada bumbung, pemasangan lampu LED, pembinaan loji sisa kepada tenaga atau pengurangan penggunaan plastik dalam operasi. Syarikat-syarikat ini merentasi pelbagai sektor, merangkumi perkhidmatan borong dan runcit, perkhidmatan makanan dan minuman serta penginapan, ladang kelapa sawit dan industri perkilangan.

Ukuran Hijau: Menjejak Kemajuan Syarikat Ke Arah Kelestarian Alam Sekitar

Sementara itu, lebih satu pertiga daripada syarikat (36%) telah mencapai kemajuan selanjutnya dalam usaha kelestarian alam sekitar mereka.

Sebanyak 20% daripada syarikat telah memulakan **strategi hijau** yang jelas iaitu menetapkan sasaran kelestarian dalaman dan penunjuk prestasi utama (*key performance indicators*, KPI) di bawah pengawasan pengurusan kanan atau pasukan kelestarian yang khusus. Syarikat-syarikat ini, yang biasanya merupakan peneraju pasaran dalam industri masing-masing, sedang merintis jalan menerusi pelan hala tuju ke arah neutral karbon, pengurangan jejak karbon dan penyelesaian inovatif.

Sebanyak 9% syarikat yang lebih proaktif telah melangkaui matlamat strategik yang ditetapkan dengan menyepadukan kelestarian secara mendalam sebagai sebahagian daripada **budaya korporat** mereka. Mereka memperkasakan pengetahuan dan kemahiran kelestarian yang relevan serta memupuk akauntabiliti dalam kalangan kakitangan mereka pada seluruh peringkat. Sebagai contoh, mereka menggalakkan kakitangan untuk mengurangkan jejak karbon melalui amalan perjalanan ulang-alik yang lebih baik, pengasingan sisa dan penggunaan tenaga yang cekap. Amalan ini lebih meluas dalam kalangan peserta tenaga utama dan syarikat yang memberikan tumpuan pada kelestarian, termasuk syarikat perundingan alam sekitar.

Hanya 7% syarikat yang bekerjasama secara aktif degan rakan usaha sama dan vendor untuk memupuk **ekosistem** yang lebih lestari. Syarikat-syarikat ini telah memperkenalkan program pembinaan keupayaan dan menyokong vendor mereka untuk melaksanakan projek hijau dan melaporkan jejak karbon.

Pematuhan terhadap peraturan merupakan pendorong utama yang mempercepat peralihan syarikat

Pematuhan terhadap peraturan pada peringkat dalam negeri dan antarabangsa merupakan pendorong utama untuk syarikat menerapkan amalan yang lebih lestari (Rajah 3). Sebagai contoh, syarikat perkapalan yang menyediakan perkhidmatan kepada rakan niaga antarabangsa utama tertakluk pada strategi International Maritime Organisation (IMO) untuk kapal-kapal mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (*greenhouse gas*, GHG). Obligasi ini memerlukan mereka beralih ke arah amalan dan teknologi yang lebih lestari.

Selain itu, industri berorientasikan eksport yang terkesan oleh dasar CBAM Eropah sedang mempercepat strategi mereka bagi mematuhi piawaian alam sekitar yang ketat. Usaha ini bertujuan untuk mengelakkan penalti dan potensi kehilangan bahagian pasaran pada masa hadapan. Beberapa syarikat menyokong supaya Malaysia mempercepat pelaksanaan mekanisme penentuan harga karbon. Pembangunan ekosistem utama dalam negeri mengurangkan keperluan syarikat tempatan untuk membayar cukai kepada negara asing.

Pada peringkat dalam negeri, syarikat juga sedang beralih bagi mematuhi piawaian dan keperluan alam sekitar yang ditetapkan oleh Kerajaan. Beberapa syarikat berkaitan Kerajaan dan syarikat sektor swasta secara aktif menyelaraskan semula operasi mereka dengan matlamat kelestarian Kerajaan. Trend ini jelas kelihatan khususnya di Sarawak, yang menunjukkan peningkatan momentum inisiatif kelestarian yang ketara.

Ukuran Hijau: Menjejak Kemajuan Syarikat Ke Arah Kelestarian Alam Sekitar

Pemacu utama peralihan adalah pematuhan kawal selia dan pengoptimuman kos

Rajah 3: Mengapakah anda melabur dalam inisiatif kelestarian alam sekitar?

Bahagian peratusan responden yang mempunyai inisiatif kelestarian



Secara amnya, syarikat yang ada inisiatif kelestarian beranggapan akan wujud impak bersih bernilai tinggi daripada inisiatif itu meskipun kosnya tinggi sekarang

Rajah 4: Apakah anggapan impak bersih daripada inisiatif kelestarian sekarang berbanding dengan tempoh dua hingga tiga tahun yang akan datang?

Peratusan bahagian responden yang mempunyai inisiatif kelestarian



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kos yang tinggi bukan penghalang utama bagi syarikat besar namun boleh melambatkan kemajuan

Pengoptimuman kos pada jangka sederhana dan jangka panjang merupakan faktor kedua terpenting yang mendorong syarikat mengambil tindakan ke arah amalan kelestarian (Rajah 3). Meskipun kos yang tinggi sering dilihat mungkin menjadi halangan kepada syarikat apabila mempertimbangkan peralihan ke arah kelestarian alam sekitar, kos ini lazimnya dibandingkan dengan jangkaan manfaat jangka panjang (Rajah 4). Syarikat menyatakan manfaat masa hadapan seperti pengurangan perbelanjaan operasi melalui kecekapan tenaga yang bertambah baik dan penjanaan sisa yang minimum. Syarikat besar yang lengkap dengan sumber kewangan yang mencukupi dan pandangan jauh yang strategik secara umumnya sedar bahawa pelaburan masa kini boleh menyebabkan penjimatan yang besar atau kelebihan daya saing pada jangka panjang.

Meskipun beberapa syarikat besar mengakui potensi kecekapan kos, mereka mengalami kelembapan dalam kadar peralihan kelestarian. Faktor seperti turun naik tarif tenaga hijau atau kos operasi luar jangka yang berkaitan dengan amalan kelestarian telah menghalang syarikat untuk mempercepat usaha peralihan mereka. Dalam beberapa kes, pertimbangan kewangan ini mungkin mendorong syarikat untuk menilai semula atau menangguhkan rancangan kelestarian mereka sehingga wujud keadaan lebih baik yang sejajar dengan matlamat strategik mereka. Walau bagaimanapun, trend menyeluruh menunjukkan bahawa meskipun kos yang tinggi bukan penghalang utama, kos boleh mempengaruhi kepantasan syarikat besar melaksanakan langkah-langkah kelestarian alam sekitar.

Ukuran Hijau: Menjejak Kemajuan Syarikat Ke Arah Kelestarian Alam Sekitar

Anggapan mengenai kurangnya manfaat pada masa hadapan menyebabkan inisiatif hijau tidak diberikan keutamaan

Separuh daripada syarikat yang tidak beralih kepada amalan yang lebih lestari menyatakan bahawa kelestarian alam sekitar bukan suatu keutamaan (Rajah 5). Syarikat-syarikat ini percaya bahawa manfaat peralihan kepada amalan yang lebih lestari pada masa hadapan tidak cukup besar untuk tindakan diambil dengan kadar segera (Rajah 6).

Persepsi ini lazimnya menyebabkan syarikat mengambil pendekatan berhati-hati, menunggu faktor luaran seperti mandat pengawalseliaan yang memberikan kesan kepada industri sebelum memberikan komitmen kepada inisiatif kelestarian. Selain itu, sesetengah syarikat percaya bahawa manfaat secara serta-merta adalah sangat kecil apabila menjadi pengamal awal amalan hijau. Mereka lebih gemar memerhatikan pengalaman dan kesan ke atas pesaing yang melaksanakan inisiatif kelestarian sebelum membuat komitmen berikutan potensi risiko atau kos yang terlibat. Beberapa syarikat juga beranggapan bahawa industri mereka, contohnya peleburan besi buruk, mempunyai skop yang terhad untuk menerapkan amalan kelestarian dalam perniagaan mereka. Hal ini sekali gus menyokong keputusan mereka untuk tidak beralih sehingga keadaan menjadi lebih baik atau terdapat manfaat yang lebih jelas.

Dinamik organisasi juga mempengaruhi keputusan, dengan beberapa syarikat menyatakan hala tuju yang kurang jelas daripada ibu pejabat di luar negara sebagai alasan untuk tidak mengutamakan kelestarian alam sekitar. Kekurangan panduan dalaman ini menghalang langkah proaktif ke arah amalan yang lebih hijau apabila syarikat teragak-agak untuk melabur dalam inisiatif yang mungkin tidak sejajar dengan strategi korporat yang lebih luas.

Syarikat yang tidak beralih kebanyakannya menyatakan bahawa kelestarian alam sekitar bukan suatu keutamaan

Rajah 5: Mengapa anda TIDAK melabur dalam inisiatif kelestarian alam sekitar?

Bahagian peratusan responden yang tidak mempunyai rancangan untuk beralih



Nota: Faktor-faktor seperti kekurangan insentif, tenaga kerja atau akses kepada pembiayaan kurang membimbangkan bagi syarikat yang lebih besar kerana lazimnya mereka tidak menghadapi kekangan kewangan atau operasi yang ketara.

Syarikat tanpa inisiatif kelestarian secara amnya beranggapan yang sebarang usaha melibatkan kos adalah tinggi dan manfaatnya kecil pada masa ini dan pada masa hadapan

Rajah 6: Apakah anggapan impak bersih inisiatif kelestarian sekarang berbanding dengan 2–3 tahun akan datang?

Bahagian peratusan responden yang tidak mempunyai rancangan untuk beralih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Ukuran Hijau: Menjejak Kemajuan Syarikat Ke Arah Kelestarian Alam Sekitar

Implikasi dasar

Meskipun terdapat peningkatan kesedaran dan tekanan untuk syarikat membuat peralihan, kemajuan masih perlahan terutamanya dalam kalangan PKS. Bagi mempercepat peralihan ini, pendekatan pelbagai kaedah diperlukan. Pendekatan ini hendaklah merangkumi usaha menangani kos peralihan, menitikberatkan manfaat jangka panjang kelestarian dan mengukuhkan sokongan pengawalseliaan.

Mengurangkan kos peralihan

Terdapat eksternaliti positif kepada keseluruhan ekonomi apabila piawaian kelestarian diamalkan dalam perniagaan, termasuk alam sekitar yang bertambah baik dan pertumbuhan ekonomi dalam sektor hijau. Walau bagaimanapun, eksternaliti positif ini mengambil masa untuk menjadi kenyataan, manakala kos, terutamanya kepada syarikat, adalah serta-merta. Kos awalan ini selalunya termasuk pelaburan dalam teknologi baharu, peningkatan infrastruktur dan pengubahsuaian proses untuk memenuhi piawaian kelestarian. Bagi mengurangkan kos peralihan untuk bukan PKS dan PKS, Kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) telah melancarkan pelbagai inisiatif. Sebagai contoh, Belanjawan 2024 memperuntukkan hampir RM4 bilion untuk usaha sifar karbon bersih. Selain itu, Elaun Cukai Pelaburan Hijau dan Pengecualian Cukai Pelaburan Hijau juga telah dilanjutkan sehingga akhir tahun 2024. PKS juga boleh memanfaatkan dana BNM[4] seperti Kemudahan Peralihan Rendah Karbon atau Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau untuk pembiayaan, termasuk untuk pemerolehan produk cekap tenaga.

Pada masa hadapan, apabila tekanan pengawalseliaan seperti CBAM meningkat, Kerajaan boleh mempertimbangkan untuk menyediakan panduan dan sumber bersasar bagi membantu syarikat berhubung dengan penilaian kitaran hayat (life cycle assessment, LCA) dan perakaunan karbon. Memandangkan proses ini lazimnya mahal dan sering memerlukan libat urus dengan perunding teknikal, sokongan seperti ini penting untuk menjadikannya lebih mudah diakses dan diurus oleh perniagaan, terutamanya PKS. Sokongan ini boleh berbentuk bengkel, garis panduan terperinci dan instrumen yang menyelaraskan proses pelaporan, lantas memastikan syarikat lebih bersedia untuk memenuhi kehendak pengawalseliaan dan memajukan matlamat kelestarian mereka.

Menggalakkan manfaat jangka panjang

Bagi menggalakkan lebih banyak syarikat beralih dengan berkesan, pembentukan semula persepsi berhubung dengan manfaat jangka panjang adalah sangat penting. Hal ini melibatkan pendekatan seluruh negara bagi meningkatkan kesedaran tentang potensi penjimatan kos untuk jangka sederhana dan jangka panjang melalui penggunaan sumber yang cekap, pengurangan risiko pematuhan peraturan serta peluang untuk mengakses pasaran dan modal baharu. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3)[5] menyediakan portal ESG Jumpstart dalam laman sesawangnya dengan sumber penting untuk PKS memulakan langkah ke arah kelestarian. Portal ini menyediakan maklumat mengenai program pembinaan keupayaan, skim pensijilan, insentif kewangan dan sebagainya.

[4] Untuk maklumat lanjut mengenai Dana BNM untuk PKS, sila rujuk laman sesawang BNM.
[5] JC3 ditubuhkan pada bulan September 2019 sebagai platform pengawalseliaan industri untuk meneruskan tindakan kolaboratif bagi membina daya tahan iklim dalam sektor kewangan Malaysia. JC3 dipengerusikan bersama oleh BNM dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dengan ahli-ahlinya terdiri daripada pegawai kanan Bursa Malaysia dan 21 peserta industri kewangan.

Ukuran Hijau: Menjejak Kemajuan Syarikat Ke Arah Kelestarian Alam Sekitar

Bagi terus menyokong peralihan syarikat, Kerajaan boleh meningkatkan usaha ini dengan mempromosikan secara aktif kisah kejayaan dan kajian kes syarikat yang telah berjaya beralih untuk menjadi pendorong kepada syarikat lain. Kerajaan juga boleh mempertimbangkan untuk membangunkan pelan hala tuju kelestarian khusus sektor yang menggariskan laluan yang jelas dan amalan terbaik untuk industri yang berbeza. Inisiatif seperti ini boleh meningkatkan pemahaman syarikat mengenai manfaat nyata kelestarian, sekali gus menggalakkan penggunaan yang lebih meluas.

Turut penting adalah kepimpinan melalui teladan oleh Kerajaan. Melalui pelaksanaan amalan pemerolehan rendah karbon dan penggunaan strategi pembangunan kelestarian di kawasan bandar dan luar bandar, Kerajaan boleh menetapkan standard yang memberikan inspirasi kepada pihak lain untuk mengikutinya. Pendekatan ini bukan sahaja menunjukkan komitmen terhadap kelestarian tetapi turut memacu penerapan amalan hijau yang lebih luas merentasi sektor awam dan swasta.

Menyediakan sokongan pengawalseliaan

Penerapan amalan hijau yang dipercepat oleh syarikat yang terjejas oleh CBAM Kesatuan Eropah menekankan peranan penting pengawalseliaan dalam membentuk amalan syarikat. Dari segi ini, sokongan persekitaran pengawalseliaan yang memastikan rangka kerja yang konsisten, boleh dijangka dan pragmatik adalah penting untuk memudahkan peralihan yang teratur dan adil oleh syarikat. Dalam sektor kewangan, sokongan diberikan untuk membantu penzahiran kelestarian oleh perniagaan.

Sebagai contoh, berikutan pelaksanaan CCPT, JC3 telah mengeluarkan panduan untuk memastikan ketekalan dalam kalangan institusi kewangan dan untuk syarikat menyediakan penzahiran pelepasan gas rumah hijau mereka kepada institusi kewangan. Panduan yang serupa juga telah dikeluarkan untuk PKS. Selain itu, Bursa Malaysia (Bursa) telah memperkenalkan Platform Pelaporan ESG pada bulan Disember 2023. Platform ini yang bertindak sebagai repositori penzahiran oleh syarikat tersenarai turut boleh memberikan manfaat kepada syarikat dengan menyediakan format penzahiran yang mematuhi keperluan pelaporan Bursa.

Pada masa hadapan, Kerajaan perlu terus mempercepat penggubalan dasar yang jelas dan terperinci. Dasar tersebut termasuk rang undang-undang Perubahan Iklim Kebangsaan, laluan sektoral jangka panjang (Long-Term Low Emission Development Strategy, LT-LEDS)[6] dan penubuhan rangka kerja perakaunan karbon yang menyediakan sektor swasta ke arah penentuan harga karbon. Kejelasan mengenai perkara ini adalah penting untuk menyediakan perniagaan dengan kepastian yang diperlukan untuk merancang lebih awal dan melabur dalam amalan kelestarian, sekali gus memastikan peralihan yang lebih berkesan dan selaras dengan ekonomi rendah karbon.

[6] LT-LEDS ialah strategi kebangsaan jangka panjang yang mengenal pasti peluang atau laluan bagi pembangunan rendah karbon yang juga mengambil kira matlamat sosioekonomi yang lebih meluas.

Ukuran Hijau: Menjejak Kemajuan Syarikat Ke Arah Kelestarian Alam Sekitar

Kesimpulan

Meskipun kebanyakan syarikat besar telah memulakan inisiatif kelestarian alam sekitar, masih banyak syarikat yang kekal pada tahap awal dan memberikan tumpuan terutamanya pada aspek yang terhad dalam operasi mereka. Usaha ini sebahagian besarnya didorong oleh pematuhan pengawalseliaan, khususnya syarikat tersenarai, serta objektif pengurangan kos jangka sederhana dan jangka panjang. Halangan utama bagi syarikat besar dalam mengusahakan penerapan amalan hijau yang lebih menyeluruh bukanlah disebabkan kos yang tinggi tetapi lebih kepada persepsi bahawa manfaat pada masa hadapan dan pulangan pelaburan yang sedikit. Usaha untuk menangani dorongan dan persepsi ini boleh mempercepat penggunaan strategi hijau yang lebih maju di seluruh industri.

Rujukan

Bank Negara Malaysia (2022). Pelaksanaan Dokumen Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy, CCPT) dalam Sektor Kewangan. Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2021

Bank Negara Malaysia (2022). Mengukur Nadi Ekonomi Semasa Pandemik. Laporan Tahunan 2021

Bursa Malaysia (2023). Bursa Malaysia to Launch Platform for Mandatory ESG Reporting

Kementerian Kewangan Malaysia (2023). Measure Towards Net Zero Carbon Emission. Belanjawan 2024 Touchpoints hlm. 165–166. https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belanjawan2024/ucapan/touchpoint-budget-en.pdf

PricewaterhouseCoopers (2024). Leading Through Accelerated Reinvention. 27th Annual Global CEO Survey – Asia Pacific

Pertimbangan Dasar

Sorotan mesyuarat MPC bulan Julai

- Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00% pada mesyuarat MPC bulan Mei dan Julai 2024.
- MPC tetap berwaspada terhadap perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian trajektori inflasi dan trajektori pertumbuhan dalam negeri.

Dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan ekonomi

MPC telah mengekalkan OPR pada 3.00% bagi suku kedua pada mesyuarat MPC pada bulan Mei dan Julai 2024.

Pada mesyuarat bulan Julai baru-baru ini, MPC menilai bahawa ekonomi global terus berkembang berikutan keadaan pasaran pekerja yang berdaya tahan dan pemulihan perdagangan global yang berterusan. Pada masa hadapan, pertumbuhan global dijangka berkekalan kerana rintangan daripada dasar monetari yang ketat dan sokongan fiskal yang berkurang akan dibendung oleh keadaan pasaran pekerja yang positif serta inflasi yang terus menurun. Perdagangan global terus kukuh berikutan momentum peningkatan kitaran teknologi global yang berterusan. Inflasi keseluruhan dan inflasi teras global terus menurun pada bulan-bulan kebelakangan ini, dengan beberapa bank pusat mula melonggarkan dasar monetari mereka. Prospek pertumbuhan terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan, disebabkan terutamanya oleh ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, inflasi sebenar yang lebih tinggi daripada jangkaan dan volatiliti dalam pasaran kewangan global.

Bagi ekonomi Malaysia, penunjuk terkini setakat pada mesyuarat MPC bulan Julai mencatatkan kegiatan ekonomi yang terus kukuh pada suku kedua tahun 2024. Hal ini didorong oleh perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan dan prestasi eksport yang lebih baik. Pada masa hadapan, eksport dijangka disokong selanjutnya oleh peningkatan kitaran teknologi global berikutan kedudukan Malaysia dalam rantaian bekalan semikonduktor serta eksport barangan bukan elektrik dan elektronik yang terus kukuh. Ketibaan dan perbelanjaan pelancong juga dijangka terus meningkat. Pertumbuhan guna tenaga dan upah yang berterusan berserta langkah-langkah dasar akan terus menyokong perbelanjaan isi rumah. Aktiviti pelaburan akan disokong oleh projek berbilang tahun dalam sektor swasta dan awam yang sedang dijalankan, pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah beberapa pelan induk nasional serta lebih banyak pelaburan yang diluluskan kini direalisasikan. Prospek pertumbuhan bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan yang berpunca daripada permintaan luaran yang lebih lemah daripada jangkaan serta penurunan pengeluaran komoditi yang lebih besar. Sementara itu, pertumbuhan menjadi lebih tinggi berpunca terutamanya daripada limpahan peningkatan kitaran teknologi yang lebih besar, aktiviti pelancongan yang lebih giat serta pelaksanaan yang lebih pantas bagi projek sedia ada dan projek baharu.

Pertimbangan Dasar

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras berpurata pada 1.8% pada lima bulan pertama tahun 2024. Seperti yang dijangka, inflasi akan lebih tinggi pada separuh kedua tahun 2024 berikutan rasionalisasi subsidi diesel baru-baru ini. Walau bagaimanapun, kenaikan inflasi masih terkawal berikutan langkah-langkah pengurangan yang dilaksanakan bagi meminimumkan kesan kos terhadap perniagaan. Pada masa hadapan, risiko inflasi yang lebih tinggi akan bergantung pada sejauh mana kesan limpahan dasar dalam negeri selanjutnya berhubung dengan subsidi dan kawalan harga kepada trend harga yang lebih luas serta perkembangan harga komoditi dan pasaran kewangan global. Bagi seluruh tahun 2024, inflasi keseluruhan dan inflasi teras dijangka berpurata dalam julat yang diunjurkan sebelum ini iaitu masing-masing antara 2.0% hingga 3.5% dan 2.0% hingga 3.0%.

Nilai ringgit terus didorong terutamanya oleh faktor luaran iaitu jangkaan hala tuju dasar monetari ekonomi-ekonomi utama dan ketegangan geopolitik yang berterusan. Kesan positif daripada inisiatif terselaras oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Companies, GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Investment Companies, GLIC) serta libat urus syarikat korporat terus membendung tekanan terhadap ringgit. BNM akan terus menguruskan risiko yang berpunca daripada volatiliti pasaran kewangan yang ketara. Pada tempoh jangka sederhana, pembaharuan struktur dalam negeri akan memberikan sokongan yang lebih berpanjangan kepada ringgit.

Pada tahap OPR semasa, MPC berpandangan bahawa pendirian dasar monetari terus menyokong ekonomi dan adalah konsisten dengan penilaian semasa berhubung dengan prospek inflasi dan pertumbuhan. MPC tetap berwaspada terhadap perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian trajektori inflasi dan trajektori pertumbuhan dalam negeri. MPC akan memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan harga yang stabil.

Tinjauan Makroekonomi

Pertumbuhan global akan berterusan dalam keadaan permintaan yang berdaya tahan

Pemulihan perdagangan global juga dijangka berterusan pada separuh kedua tahun 2024

Ekonomi global dijangka kekal mampan pada separuh kedua tahun ini. Hal ini disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif dan inflasi yang menurun. Pelonggaran dasar monetari oleh ekonomi-ekonomi maju akan memberikan sokongan lanjut pada pertumbuhan dalam jangka pendek hingga sederhana. Pertumbuhan di China dijangka meningkat meskipun pada kadar yang lebih perlahan, kerana sokongan fiskal akan diimbangi oleh pasaran harta tanah dan sentimen pengguna yang lemah. Pertumbuhan perdagangan global dijangka terus pulih, apabila momentum peningkatan kitaran teknologi global berterusan.

Prospek pertumbuhan kekal tertakluk pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan terutamanya daripada ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, inflasi yang lebih tinggi daripada jangkaan dan keadaan pasaran kewangan yang menjadi ketat secara mendadak. Namun demikian, pertumbuhan global mungkin menjadi lebih tinggi boleh berpunca daripada permintaan dalam negeri yang lebih kukuh daripada jangkaan, terutamanya dalam ekonomi-ekonomi maju.

Ekonomi Malaysia akan terus berkembang

Permintaan dalam negeri yang terus berkembang dan peningkatan permintaan luaran akan menyokong pertumbuhan

Pertumbuhan ekonomi Malaysia pada separuh kedua tahun 2024 dijangka didorong terutamanya oleh pengembangan kukuh dalam aktiviti pelaburan dan perbelanjaan isi rumah yang berdaya tahan, dengan sokongan yang lebih besar daripada pemulihan eksport. Aktiviti pelaburan akan disokong oleh projek berbilang tahun yang terus dilaksanakan dalam sektor swasta dan awam serta dimantapkan dengan pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah pelan-pelan induk nasional dan lebih banyak pelaburan yang diluluskan kini direalisasikan. Penggunaan swasta akan disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang mampan bersama-sama dengan langkah-langkah dasar yang lebih besar. Limpahan yang lebih tinggi daripada peningkatan kitaran teknologi global akan menyokong eksport manakala ketibaan dan perbelanjaan pelancong dijangka terus bertambah baik.

Prospek pertumbuhan menghadapi risiko pertumbuhan menjadi perlahan berikutan permintaan luaran yang lebih lemah daripada jangkaan, konflik geopolitik yang semakin meruncing dan pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan. Namun begitu, limpahan yang lebih besar daripada peningkatan kitaran teknologi, aktiviti pelancongan yang lebih memberangsangkan serta pelaksanaan projek pelaburan baharu dan sedia ada yang lebih pantas menghasilkan prospek yang positif terhadap ekonomi Malaysia.

Inflasi akan lebih tinggi pada separuh kedua tahun 2024

Inflasi akan meningkat berikutan pelaksanaan rasionalisasi subsidi diesel, walaupun keadaan ini sebahagiannya dibendung oleh langkah-langkah untuk mengurangkan kenaikan kos pengeluaran

Selepas berada pada trend di bawah paras purata jangka panjang untuk separuh pertama tahun, inflasi dijangka lebih tinggi pada separuh kedua tahun 2024 berikutan pelaksanaan rasionalisasi subsidi diesel baru-baru ini. Khususnya, tekanan inflasi sebahagian besarnya berpunca daripada pindahan kos operasi yang lebih tinggi oleh syarikat, walaupun keadaan ini masih terurus memandangkan adanya langkah-langkah untuk meminimumkan tahap kenaikan kos. Pada masa hadapan, risiko prospek kenaikan inflasi bergantung pada sejauh mana kesan limpahan langkah dasar dalam negeri yang selanjutnya berhubung dengan subsidi dan kawalan harga kepada trend harga yang lebih luas, serta harga komoditi global dan perkembangan pasaran kewangan. Pada tahun 2024 secara keseluruhan, inflasi keseluruhan dan inflasi teras diunjurkan kekal dalam julat yang diunjurkan sebelum ini, iaitu masing-masing antara 2.0% hingga 3.5% dan antara 2.0% hingga 3.0%.

Jadual 1: **KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)**

	Bahagian 2023 (%)	2023					2024	
		S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2
		Perubahan tahunan, %						
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	93.9	4.8	4.4	4.5	4.9	4.6	6.1	6.9
Sektor swasta	76.2	5.8	4.4	4.2	4.1	4.6	5.7	7.3
Penggunaan	60.7	6.1	4.2	4.1	4.2	4.7	4.7	6.0
Pelaburan	15.5	4.7	5.1	4.5	4.0	4.6	9.2	12.0
Sektor awam	17.8	-0.2	4.3	5.9	7.4	4.6	8.4	4.9
Penggunaan	13.2	-2.0	3.3	5.3	5.8	3.3	7.3	3.6
Pelaburan	4.6	5.7	7.9	7.5	11.3	8.6	11.5	9.1
Eksport Bersih	4.4	71.3	-11.9	-19.9	-52.9	-16.2	-24.5	3.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	66.1	-2.9	-9.0	-12.0	-7.9	-8.1	5.2	8.4
Import Barangan dan Perkhidmatan	61.7	-6.7	-8.8	-11.3	-2.6	-7.4	8.0	8.7
KDNK Benar, perubahan tahunan %	**100.0**	**5.5**	**2.8**	**3.1**	**2.9**	**3.6**	**4.2**	**5.9**
KDNK, perubahan suku tahunan secara bermusim %	**-**	0.4	1.2	2.4	-1.0	-	1.5	2.9

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: **KDNK Mengikut Kegiatan Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)**

	Bahagian 2023 (%)	2023					2024	
		S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2
		Perubahan tahunan, %						
Perkhidmatan	59.2	7.1	4.5	4.9	4.1	5.1	4.8	5.9
Perkilangan	23.4	3.2	0.1	-0.1	-0.3	0.7	1.9	4.7
Pertanian	6.4	1.4	-0.7	0.3	1.9	0.7	1.7	7.2
Perlombongan	6.2	1.6	-2.1	-1.1	3.5	0.5	5.7	2.7
Pembinaan	3.6	7.4	6.2	7.2	3.6	6.1	11.9	17.3
KDNK Benar, perubahan tahunan %	**100.0**	**5.5**	**2.8**	**3.1**	**2.9**	**3.6**	**4.2**	**5.9**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3: **Imbangan Pembayaran**[1]

	2023					2024	
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2
	RM bilion						
Akaun semasa	**10.8**	**8.3**	**8.2**	**0.9**	**28.2**	**16.2**	**3.0**
% daripada KDNK	*2.4*	*1.9*	*1.8*	*0.2*	*1.5*	*3.5*	*0.6*
Barangan	42.5	29.2	33.6	30.8	136.2	32.0	24.6
Perkhidmatan	-13.5	-11.8	-10.5	-7.4	-43.2	-7.3	-4.9
Pendapatan primer	-12.8	-6.9	-12.9	-20.3	-52.9	-8.8	-15.5
Pendapatan sekunder	-5.5	-2.2	-2.0	-2.2	-11.8	0.3	-1.1
Akaun kewangan	**-5.2**	**-8.0**	**17.8**	**-20.1**	**-15.5**	**-18.7**	**17.1**
Pelaburan langsung	2.9	-5.2	-3.1	5.2	-0.2	-6.0	3.8
Aset	-8.1	-9.9	-12.8	-5.5	-36.3	-26.0	-6.0
Liabiliti	11.0	4.7	9.7	10.7	36.1	20.0	9.7
Pelaburan portfolio	-29.8	12.9	-13.4	-6.0	-36.4	-23.7	-21.7
Aset	-16.3	-4.9	-15.4	-10.0	-46.6	-21.2	-28.8
Liabiliti	-13.5	17.8	2.0	4.0	10.3	-2.5	7.2
Derivatif Kewangan	-0.9	0.3	0.5	-3.8	-3.9	1.2	-0.6
Pelaburan lain	22.6	-16.1	33.9	-15.5	25.0	9.8	35.6
Kesilapan dan ketinggalan bersih[2]	**-11.2**	**-12.7**	**-18.3**	**9.3**	**-33.0**	**11.3**	**-21.5**
Imbangan keseluruhan	**-5.7**	**-12.4**	**7.7**	**-10.1**	**-20.5**	**8.7**	**-1.3**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh permastautin.
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing.
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).
[2] Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada rizab penilaian semula. Amalan ini terpakai untuk siri belakang hingga S1 2010.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 4: **Hutang Luar Negeri Terkumpul**

	2023	2024	
	Akhir Jun	Akhir Mac	Akhir Jun
	RM bilion		
Jumlah Hutang Luar Negeri	**1,217.5**	**1,271.7**	**1,328.2**
Bersamaan USD bilion	*259.8*	*268.4*	*281.4*
Mengikut instrumen			
Bon dan nota	175.8	175.0	172.9
Peminjaman antara bank	216.4	214.3	234.7
Pinjaman antara syarikat berkaitan	174.4	203.0	210.1
Pinjaman	80.9	90.4	94.2
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	267.9	263.8	269.7
Deposit bukan pemastautin	134.3	145.0	146.3
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR) IMF	30.2	30.3	30.0
Lain-lain	137.6	150.0	170.3
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	707.8	740.6	764.2
Jangka pendek	509.6	531.2	564.0
Denominasi mata wang			
Ringgit	407.6	410.2	419.0
Asing	809.8	861.6	909.2
Jumlah hutang/ KDNK, %	**67.3**	**68.9**	**70.8**
Hutang jangka pendek/Jumlah hutang, %	**41.9**	**41.8**	**42.5**
Rizab/Hutang luar negeri jangka pendek, kali	**1.0**	**1.0**	**1.0**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 5: **Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan**

	2023	2024		2023	2024	
	S2	S1	S2	S2	S1	S2
	Akhir tempoh, RM bilion			Perubahan tahunan, %		
Jumlah Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[1]	**2,647.9**	**2,762.7**	**2,792.1**	**3.7**	**5.2**	**5.4**
Bon korporat terkumpul[2]	561.5	572.8	580.9	4.9	3.2	3.4
Pinjaman terkumpul[3,4]	2,086.3	2,189.9	2,211.2	3.5	5.8	6.0
Perniagaan	748.4	786.2	790.4	0.6	5.1	5.6
PKS	367.7	393.5	401.7	6.6	8.8	9.3
Bukan PKS	377.0	388.6	384.5	-4.3	1.7	2.0
Isi rumah	1,337.9	1,403.6	1,420.7	5.1	6.2	6.2
Kredit kepada Perniagaan[5]	1,310.0	1,359.0	1,371.3	2.4	4.3	4.7

1 Mulai penerbitan Buletin Suku Tahunan S4 2022, kredit kepada sektor swasta bukan kewangan telah diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti data pembiayaan yang disalurkan untuk menjana kegiatan ekonomi dalam negeri. Data baharu ini menggantikan data pembiayaan bersih kepada sektor swasta yang digunakan sebelum ini.
2 Termasuk kertas jangka pendek konvensional dan Islam, serta bon dan sukuk jangka panjang; tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, kerajaan, institusi kewangan dan institusi kewangan bukan bank.
3 Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.
4 Tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas tanpa rekursa.
5 Terdiri daripada pinjaman terkumpul kepada perniagaan dan bon korporat terkumpul.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 6: **Penunjuk Pinjaman**[1]

	2023		2024			2024		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Dalam tempoh, RM bilion					Perubahan tahunan, %		
Jumlah Sektor Swasta Bukan Kewangan[2]								
Permohonan pinjaman	370.9	726.4	358.0	386.6	744.6	0.7	4.2	2.5
Kelulusan pinjaman	189.4	361.7	174.9	200.7	375.5	1.5	6.0	3.8
Pengeluaran pinjaman	525.3	1053.9	538.6	533.1	1071.7	1.9	1.5	1.7
Bayaran balik pinjaman	531.3	1069.4	531.9	529.2	1061.1	-1.1	-0.4	-0.8
Antaranya:								
Perniagaan[3]								
Permohonan pinjaman	139.3	273.7	135.9	148.7	284.6	1.1	6.8	4.0
Kelulusan pinjaman	85.1	160.7	78.4	92.7	171.1	3.8	8.9	6.5
Pengeluaran pinjaman	401.3	804.6	399.9	399.9	799.8	-0.9	-0.3	-0.6
Bayaran balik pinjaman	409.2	817.3	395.6	397.4	793.0	-3.1	-2.9	-3.0
PKS[4]								
Permohonan pinjaman	82.0	157.3	80.6	87.0	167.6	7.0	6.1	6.6
Kelulusan pinjaman	46.0	80.8	40.0	47.0	87.0	14.8	2.2	7.6
Pengeluaran pinjaman	128.8	254.1	137.4	143.7	281.1	9.6	11.6	10.6
Bayaran balik pinjaman	125.0	247.4	133.0	138.7	271.7	8.7	11.0	9.8
Bukan PKS[4]								
Permohonan pinjaman	57.3	114.3	55.2	61.7	117.0	-3.1	7.7	2.3
Kelulusan pinjaman	39.1	78.8	38.4	45.6	84.1	-3.2	16.7	6.7
Pengeluaran pinjaman	271.3	548.4	260.3	254.3	514.7	-6.0	-6.3	-6.1
Bayaran balik pinjaman	282.3	567.2	261.3	257.2	518.6	-8.3	-8.9	-8.6
Isi Rumah								
Permohonan pinjaman	231.6	452.7	222.0	237.9	460.0	0.4	2.7	1.6
Kelulusan pinjaman	104.3	201.0	96.4	108.0	204.4	-0.3	3.6	1.7
Pengeluaran pinjaman	124.0	249.3	138.7	133.2	271.9	10.7	7.4	9.0
Bayaran balik pinjaman	122.1	252.1	136.3	131.8	268.2	4.9	8.0	6.4

[1] Pinjaman bagi semua segmen termasuk data sistem perbankan dan institusi Kewangan Pembangunan (IKP).
[2] Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, insitusi kewangan, insitusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.
[3] Angka-angka bagi PKS dan bukan PKS tidak semestinya terjumlah menjadi jumlah angka bagi perniagaan berikutan perniagaan yang tidak dikelaskan mengikut saiz syarikat turut dimasukkan dalam pengiraan.
[4] Siri data telah disemak berikutan pemindaan data oleh institusi kewangan, terutamanya melibatkan pengelasan semula daripada pinjaman PKS kepada pinjaman bukan PKS.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 7: **Penunjuk Keberuntungan Sistem Perbankan**

	2023	2024		2023	2024	
	S2	S1	S2[a]	S2	S1	S2[a]
	%			Perubahan tahunan, mata peratusan		
Pulangan atas ekuiti[1]	11.5	10.9	12.0	-0.3	-0.4	0.5
Pulangan atas aset[1]	1.3	1.2	1.3	-0.04	-0.04	0.06
	RM juta			Perubahan tahunan, %		
Pendapatan faedah bersih	14,566	15,161	15,488	-5.9	2.0	6.3
Campur: Pendapatan berasaskan fi	3,009	3,304	3,392	6.2	11.2	12.7
Tolak: Kos operasi[2]	10,770	11,041	11,191	16.7	7.0	3.9
Keuntungan operasi kasar	6,806	7,425	7,689	-25.1	-1.3	13.0
Tolak: Peruntukan jelas nilai[3] dan lain-lain	836	980	379	-8.1	109.1	-54.7
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	5,969	6,445	7,310	-27.0	-8.6	22.5
Campur: Pendapatan lain[1]	5,040	4,304	5,709	63.2	22.9	13.3
Untung sebelum cukai[1]	**11,009**	**10,749**	**13,019**	**-2.2**	**1.8**	**18.3**

[a] Awalan
[1] Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti. Mulai tahun 2019, hasil teragregat kemudiannya diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Pelarasan ini dicatatkan dalam bahagian 'Pendapatan lain'. Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Buletin Suku Tahunan sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% hingga 10.7%.
[2] Merunjuk kos kakitangan dan overhed.
[3] Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8: **Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful**

	2023	2024		2023	2024	
	S2	S1	S2[a]	S2	S1	S2[a]
	RM juta			Perubahan tahunan, %[2]		
Insurans Hayat & Takaful Keluarga						
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan[1]	1,034	5,423	2,949	123.5	9.5	185.2
Insurans Am & Takaful Am						
Keuntungan operasi	887	859	867	17.7	105.2	-2.2
Nisbah tuntuan (%)	58	57	60	-7.2	-7.0	2.3

[a] Awalan
[1] Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan tidak termasuk dana unit insurans berkaitan pelaburan bagi mencerminkan prestasi teras keuntungan penanggung insurans dan pengendali takaful dengan lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya
[2] Merujuk mata peratusan bagi perubahan tahunan nisbah tuntuan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 9: **Kewangan Kerajaan Persekutuan**[1]

	2023		2024[a]		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Hasil	72.2	148.4	70.0	69.1	139.1
Perubahan tahunan (%)	*17.3*	*19.4*	*-8.2*	*-4.3*	*-6.3*
Perbelanjaan mengurus	77.2	143.8	77.7	79.4	157.1
Perubahan tahunan *(%)*	*18.4*	*10.8*	*16.6*	*2.9*	*9.2*
Imbangan semasa	**-5.0**	**4.6**	**-7.7**	**-10.3**	**-18.0**
Perbelanjaan pembangunan bersih	17.9	44.4	18.7	14.9	33.5
Perubahan tahunan (%)	*33.6*	*47.8*	*-29.3*	*-17.1*	*-24.4*
Kumpulan Wang COVID-19[2]	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
Imbangan keseluruhan	**-22.9**	**-39.8**	**-26.4**	**-25.2**	**-51.6**
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	95.1	188.2	96.4	94.3	190.6
Perubahan tahunan (%)	*15.0*	*11.2*	*3.5*	*-0.9*	*1.3*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	1145.0	1145.0	1209.2	1227.5	1227.5
Hutang dalam negeri	863.5	863.5	933.8	946.2	946.2
Hutang luar negeri	281.5	281.5	275.4	281.3	281.3
Pemegang hutang dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*255.9*	*255.9*	*250.2*	*256.8*	*256.8*
Peminjaman luar pesisir	*25.6*	*25.6*	*25.2*	*24.5*	*24.5*

[a] Awalan
[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
[2] Kumpulan wang khas yang ditubuhkan di bawah Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi dan rancangan pemulihan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia